A

Pendakwa Raya lwn Burhanuddin

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SEMAKAN JENAYAH NO 43–19 TAHUN 2006

B ABDULL HAMID EMBONG H

21 JULY 2006

Acara Jenayah — Semakan — Hukuman — Rompakan bersenjata — Sama ada
C *hukuman kurang berat — Pemeliharaan keselamatan awam — Faktor-faktor untuk dipertimbangkan — Tertuduh warganegara Indonesia — Kepentingan awam — Keseriusan kesalahan — Keselamatan awam — Hukuman pencegahan — Kanun Acara Jenayah ss 323, 325 — Kanun Keseksaan ss 392, 397*

D

Kes ini telah dipanggil setelah hakim Mahkamah Tinggi membaca siaran berita tentangnya dalam akhbar tempatan. Selepas mengkaji latarbelakang dan fakta kes daripada rekod perbicaraan, Mahkamah Tinggi telah memutuskan untuk membuat semakan terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh majistret terhadap tertuduh dalam
E kes ini, mengikut kuasa mahkamah ini di bawah ss 323 dan 325 Kanun Acara Jenayah. Tertuduh telah didapati bersalah atas pengakuannya sendiri dengan satu kesalahan samun bersenjata yang boleh dihukum mengikut peruntukan ss 392 dan 397 Kanun Keseksaan. Puan Majistret yang bijaksana, setelah mengambilkira faktor latarbelakang tertuduh ini sebelum menjatuhkan hukuman iaitu dengan mengenakan penjara selama 30 bulan dan satu sebatan rotan ke atasnya.
F Tertuduh adalah seorang warganegara Indonesia yang datang ke Malaysia pada awal tahun 2004.

Diputuskan:

G

(1) Fakta kes ini menunjukkan bahawa samun bersenjata yang dilakukan oleh tertuduh berlaku pada pukul 3.45 pagi di dalam rumah pengadu sendiri. Jelas sekali ini adalah satu jenayah yang kejam dan mengerikan. Ia bertambah dahsyat disebabkan kejadian ini berlaku di rumah pengadu sendiri, iaitu satu tempat yang kita semua anggap paling terselamat. Negara ini mengamalkan
H satu polisi yang liberal dan ramah terhadap pekerja-pekerja daripada negara asing yang datang mencari pekerjaan secara sah. Pun begitu, ada juga warganegara asing yang masuk ke sini secara haram dan melibatkan diri mereka dengan jenayah seperti yang berlaku dalam kes ini. Masyarakat kita perlu diberikan perlindungan daripada orang-orang seperti ini. Mahkamah boleh
I dituduh sebagai telah mengabaikan peranannya jika tidak peka kepada hasrat orang awam untuk mendapat perlindungan daripada penjenayah seperti tertuduh ini. Keadilan kepada mangsa dalam samun ini seharusnya dicerminkan dengan satu hukuman yang berat terhadap tertuduh (lihat perenggan 9–10, 12–13).

(2) Hukuman penjara 30 bulan terhadap tertuduh tidak membayangkan kejijikan dan kekejian jenayah yang melampau ini. Hukuman itu terlalu ringan, terlalu enteng, dan boleh dianggap sebagai mempersendakan keadilan. Pada prinsipnya, hukuman itu adalah salah dan mahkamah ini perlu menjalankan kuasa semakan terhadapnya (lihat perenggan 15).

(3) Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan sebatan rotan lima kali. Hukuman ini hendaklah berjalan selepas tertuduh selesai menjalani tahanannya di bawah perintah tahanan Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Selepas menjalani hukumannya tertuduh hendaklah dirujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk urusan pengusirannya keluar daripada Malaysia (see para 22).

[English summary

This case was called upon after the High Court judge read about it in the national newspaper. After considering the background and facts of the case based on the trial records, the High Court had decided to review the sentence imposed by the magistrate against the accused in this case, by virtue of the court's powers under ss 323 and 325 of the Criminal Procedure Code. The accused was found guilty by self confession of an offence of armed robbery punishable under the provisions of ss 393 and 397 of the Penal Code. The learned magistrate, after considering the background factor of the accused, imposed a sentence of 30 months imprisonment and one stroke of rotan. The accused was an Indonesian nationality who came to Malaysia in early 2004.

Held:

(1) The facts of this case shows that the armed robbery by the accused was committed at 3.45am in the complainant's own house. It was clear that this was a heinous and horrid crime. It was made worse because the incident happened in the complainant's own house, ie a place where one should assume as the safest place. This country practises a liberal and friendly policy towards foreign workers who come to find work here legally. Nevertheless, there are also foreigners who enter here illegally and involve themselves with crimes such as in this case. The public should be protected against such people. The court should be blamed for not performing its role if it is not aware of the public's desire to be protected by criminals such as the accused. Justice to the victim in this robbery ought to be reflected in a heavy sentence on the accused (see paras 9–10, 12–13).

(2) The 30 month imprisonment on the accused did not reflect this heinous and horrid crime. The sentence was too lenient, light, and could be regarded as an insult to justice. On principle, the sentence was worng and this court should exercise its powers of revision against it (see para 15).

(3) The High Court had imposed a sentence of seven years imprisonment and five strokes of rotan. This sentence should start after the accused had gone through detention under the detention order of the Minister of Internal Security.

A After completing his sentence the accused should refer to the Malaysian Immigration Department to manage his exile out of Malaysia (see para 22).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai semakan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 B Reissue) perenggan 3025–3030.

Kes-kes yang dirujuk

Chang Liang Sang & Ors v PP [1982] 2 MLJ 231 (dirujuk)
Hari Ram Seghal v PP [1981] 1 MLJ 165 (dirujuk)
Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167 (dirujuk)
C *PP v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 257 (dirujuk)
Reg v JH Sargeant [1975] 60 CAR 74 (dirujuk)
Rex v Grondkowski [1946] 1 All ER 560 (dirujuk)
Rex v Kenneth John Ball 35 Cr App R 164 (dirujuk)

D **Undang-undang yang dirujuk**

Kanun Acara Jenayah ss 323, 325
Kanun Keseksaan ss 392, 397
Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969

E **Rayuan daripada**: No 6–83–6001 tahun 2006 (Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur)

Mohd Abazafree Mohd Abbas (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak Pendakwa Raya.

F **Abdull Hamid Embong H:**

[1] Kes ini telah dipanggil oleh saya setelah membaca siaran berita tentangnya dalam akhbar tempatan minggu lepas (12 Julai 2006). Selepas mengkaji latar G belakang dan fakta kes daripada rekod perbicaraan, saya telah memutuskan untuk membuat semakan terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh majistret terhadap tertuduh dalam kes ini, mengikut kuasa mahkamah ini di bawah ss 323 dan 325 Kanun Acara Jenayah.

H **[2]** Tertuduh telah didapati bersalah atas pengakuannya sendiri dengan satu kesalahan samun bersenjata yang boleh dihukum mengikut peruntukan ss 392 dan 397 Kanun Keseksaan. Pertuduhan terhadapnya berbunyi:

> Bahawa kamu bersama-sama dua orang lagi rakan kamu yang masih bebas pada 7 September 2004 lebih kurang jam 3.45 pagi bertempat di no 3788 Jalan Lembah Ledang I Off Jalan Duta di dalam Daerah Brickfields di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melakukan samun wang tunai sebanyak RM500, pelbagai jenis barang kemas bernilai RM7,500, lima jam tangan pelbagai jenama bernilai RM6,000, empat buah handphone jenis Nokia bernilai RM3,000 dan jumlah kesemuanya bernilai RM16,700 dengan bersenjatakan sebilah pisau dan pemutar skru yang boleh mendatangkan ketakutan dan kematian terhadap seorang lelaki bernama Shikh Ab Wahab bin Shikh Anuar kad

pengenalan 520221-03-5469. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah ss 392/397 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen dan kanun yang sama, serta dibaca bersama dengan s 34 Kanun Keseksaan.

[3] Latar belakang tertuduh tidak menunjukkan dia pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan di negara ini. Saya menyebut negara ini oleh sebab tertuduh adalah seorang warganegara Indonesia yang datang ke Malaysia pada awal tahun 2004, beberapa bulan sebelum dia melakukan kesalahan ini. Dia tidak mempunyai pekerjaan di Malaysia. Mengikut rekod yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya, tertuduh kini dikenakan satu perintah tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 selama dua tahun akibat penglibatannya dalam enam kes pecah rumah, rompakan dan aktiviti samseng.

[4] Puan Majistret yang bijaksana, saya percaya telah mengambilkira faktor latarbelakang tertuduh ini sebelum menjatuhkan hukuman iaitu dengan mengenakan penjara selama 30 bulan dan satu sebatan rotan ke atasnya. Dan, saya percaya puan Mejistret telah juga mempertimbangkan prinsip-prinsip mantap tentang hukuman, yang mana terulung antaranya ialah pertimbangan kepentingan awam (lihat kes *Rex v Kenneth John Ball* 35 Cr App R 164).

[5] Dalam kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 257, Hakim Hashim Yeop A Sani dalam mentafsirkan kepentingan awam, pernah membuat pemerhatian bahawa penekanan yang terlalu berat terhadap penderitaan seseorang pesalah dalam menghadapi hukumannya adalah satu pertimbangan yang tidak betul apabila menjatuhkan hukuman. Hakim yang arif tersebut berkata:

> This in my view is wrong approach. The correct approach is to strike a balance, as far as possible, between the interests of the public and the interests of the accused.

[6] Yang Arif juga memetik kata-kata Lord Goddard LCJ dalam kes *Rex v Grondkowski* [1946] 1 All ER 560 yang berbunyi:

> The judge must consider the interests of justice as well as the interests of the prisoner.

[7] Antara aspek lain yang seharusnya diambilkira dalam menjatuhkan hukuman ialah konsep penghalangan dan pencegahan daripada berulangnya jenayah serupa. Dalam kes *Reg v JH Sargeant* [1975] 60 CAR 74, Lawton LJ membuat pemerhatian ini:

> Deterrent sentences may very well be of considerable value where the crime is premeditated. Burglars, robbers and users of firearms and weapons may very well be put off by deterrent sentences.

[8] Oleh itu, aspek ini seharusnya diberikan pertimbangan penting ketika menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh yang telah melakukan jenayah berunsurkan kekejaman dan keganasan ini.

[9] Fakta kes ini menunjukkan bahawa samun bersenjata yang dilakukan oleh tertuduh berlaku pada pukul 3.45 pagi di dalam rumah pengadu sendiri. Selain daripada tertuduh dua orang lelaki lain telah bersama menceroboh masuk ke rumah pengadu bersenjatakan pisau dan pemutar skru. Tertuduh dan rakan-rakan jenayahnya itu kemudiannya telah menggeledah bilik-bilik. Pengadu dan ahli keluarganya telah diletakkan dalam keadaan ketakutan. Akibatnya pengadu telah kehilangan barang-barang kemas dan wang tunai bernilai RM16,700 yang sehingga kini tidak lagi diperoleh kembali.

[10] Jelas sekali ini adalah satu jenayah yang kejam dan mengerikan. Ia bertambah dahsyat disebabkan kejadian ini berlaku di rumah pengadu sendiri, iaitu satu tempat yang kita semua anggap paling terselamat, sehingga adanya pepatah Inggeris yang diterjemahkan sebagai 'rumah ku ialah mahligai ku'. Bayangkan trauma yang kini terus akan dirasai oleh pengadu dan keluarganya setiap malam apabila mereka masuk ke kamar tidur mereka untuk bersara. Sudah tentu peristiwa ngeri ini akan terus menghantui sanubari mereka. Sudah tentu ketenteraman mereka terganggu. Perasaan resah mereka pasti berlanjutan. Kehilangan semangat mereka ini bagi saya lebih besar daripada kehilangan barang-barang yang digondol oleh tertuduh.

[11] Samun bersenjata adalah satu kesalahan yang serius di sisi undang-undang. Ini boleh dilihat daripada bentuk hukuman yang dibekalkan di bawah ss 392 dan 397 Kanun Keseksaan.

> s 392. Whoever commits robbery shall be punished with imprisonment for a term which may extend to ten years and shall also be liable to fine; and if the robbery be committed between sunset and sunrise the imprisonment may be extended to fourteen years, and he shall also be liable to fine or to whipping.
>
> s 397. If at the time of committing or attempting to commit robbery, the offender is armed with or uses any deadly weapon, or causes grievous hurt to any person, or attempts to cause death or grievous hurt to any person, such offender shall be liable to be whipped, in addition to any other punishment to which he may be liable under any other section of this Code.

[12] Negara kita mengamalkan satu polisi yang liberal dan ramah terhadap pekerja-pekerja daripada negara asing yang datang mencari pekerjaan secara sah. Pun begitu, ada juga warganegara asing yang masuk ke sini secara haram dan melibatkan diri mereka dengan jenayah seperti yang berlaku dalam kes ini. Masyarakat kita perlu diberikan perlindungan daripada orang-orang seperti ini.

[13] Mahkamah boleh dituduh sebagai telah mengabaikan peranannya jika tidak peka kepada hasrat orang awam untuk mendapat perlindungan daripada penjenayah seperti tertuduh ini. Keadilan kepada mangsa dalam samun ini seharusnya dicerminkan dengan satu hukuman yang berat terhadap tertuduh.

[14] Oleh itu, dalam menentukan satu hukuman setimpal mahkamah harus mempertimbangkan perasaan gentar yang kini dilamun oleh pengadu dan keluarganya. Seperti disarankan oleh Lord Woolf, LCJ England & Wales dalam satu artikel olehnya bertajuk *A New Approach to Sentencing* [2004] 2 CLJ xxxviii:

> While we should not give effect to a wish for vengeance, we must take account of the feeling of the victim's family and not impose a sentence they would regard as a travesty of justice.

[15] Pada pendapat saya, hukuman penjara 30 bulan terhadap tertuduh tidak membayangkan kejijikan dan kekejian jenayah yang melampau ini. Hukuman itu terlalu ringan, terlalu enteng, dan boleh dianggap sebagai mempersendakan keadilan. Pada prinsipnya, hukuman itu adalah salah dan mahkamah ini perlu menjalankan kuasa semakan terhadapnya (lihat *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt*).

[16] Sayugia saya nyatakan bahawa dalam keadaan tertentu, seperti dalam kes ini, majistret hendaklah berani dan tabah, tidak perlu rasa bimbang, segan dan silu untuk mengenakan hukuman yang keras seperti yang telah dihasratkan oleh Parlimen mengikut seksyen-seksyen yang telah saya sebutkan tadi.

[17] Di hadapan majistret, pegawai pendakwa telah berhujah agar hukuman penjara maksimum dikenakan ke atas tertuduh sebagai satu pengajaran kepada tertuduh dan penenang kepada masyarakat tempatan. Ini pendirian yang sesuai dan jitu. Bagaimana pun, sesuatu hukuman itu tidak boleh menggambarkan perasaan dendam atau membalas bela dan hendaklah mencerminkan bahawa keadilan dan ertikata yang sebenarnya telah berlangsung. Hakim Wan Yahya dalam kes *Hari Ram Seghal v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 165 memberi ingatan berikut:

> The court must resist the temptation and decline any invitation into playing the romantic role of the avenger and must concentrate itself instead on procuring justice and upholding the rule of law through our recognised machinery of justice.

[18] Kata-kata Lord Woolf yang saya petikkan di atas tadi juga memberi ingatan yang sama kepada hakim apabila menjatuhkan hukuman.

[19] Tujuan hukuman bukan hanya retribusi. la juga perlu mengambilkira faktor pencegahan, reformasi dan perlindungan awam. Pernah dikatakan bahawa dalam menjatuhkan sesuatu hukuman mahkamah seharusnya mengambil peranan sebagai pemimpin pendapat awam untuk menunjukkan keluatannya terhadap sesuatu jenayah.

[20] Dalam menentukan satu jangkamasa bagi hukuman penjara mahkamah ini merujuk dan bersandarkan kepada panduan yang disarankan oleh Mohd Azmi HMA dalam kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167, yang berbunyi:

> The court must look at the overall picture in perspective by considering, firstly, the gravity of the type of offence committed; secondly, the facts in the commission of the offence; thirdly, the presence or absence of mitigating factors, and fourthly, the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any.

[21] Raja Azlan Shah CJ (Paduka Seri ketika itu) dalam kes *Chang Liang Sang & Ors v Public Prosecutor* [1982] 2 MLJ 231, pernah dengan tegasnya berkata suatu hukuman yang keras perlu dijatuhkan:

> … in order to mark the gravity of the offence, to emphasize public disapproval, to serve as a warning to others, to punish the offenders and most of all to protect the public.

[22] Bagi kes ini, saya menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan sebatan rotan lima kali saya anggap setimpal dengan kesalahannya. Hukuman ini hendaklah berjalan selepas tertuduh selesai menjalani tahanannya di bawah Perintah Tahanan Menteri Keselamatan Dalam Negeri bertarikh 5 Ogos 2005. Selepas menjalani hukumannya tertuduh hendaklah dirujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk urusan pengusirannya keluar daripada Malaysia. Hukuman dan perintah majistret kini dimansuhkan.

Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan lima kali sebatan rotan.

Reported by Peter Ling